

4.5.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

JUARA KEBANGSAAN LAGI: KONTINJEN PULAU PINANG KONTINJEN TERATAS PADA SAMBUTAN HARI PEKERJA 2019

- **Pasukan PBAPP menjadi “Kontinjen Juara” Sambutan Hari Pekerja Kebangsaan 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 1.5.2019.**

PULAU PINANG, 4.5.2019, Sabtu: Untuk kali kedua dalam tempoh tiga tahun, kontingen Pulau Pinang muncul sebagai juara di sambutan “Hari Pekerja” peringkat kebangsaan.

Pada 1.5.2019, pasukan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) yang terdiri daripada 80 orang kakitangan, muncul sebagai “Juara Kontinjen” pada Sambutan Hari Pekerja Kebangsaan 2019.

Pasukan ini menerima trofi juara daripada Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Ketika kebanyakan rakyat Malaysia menikmati “hari kelepasan” pada 1.5.2019, pasukan PBAPP melakukan beberapa gerakan mengikut muzik selama 2.5 jam, di hadapan ribuan orang di PICC. Pasukan PBAPP diketuai oleh Encik Mohd Zulkifli bin Abdul Hamid, Ketua Bahagian Sumber Manusia.

Mereka bersaing dengan 4,898 peserta yang mewakili 92 kontinjen lain dari seluruh Malaysia, termasuk pasukan yang lebih besar daripada banyak organisasi terkemuka.

Tun Dr. Mahathir, Menteri Sumber Manusia M. Kulasegaran, Menteri Kewangan Lim Guan Eng, dan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr.



Xavier Jayakumar merupakan antara tetamu kehormat yang hadir pada sambutan peringkat kebangsaan ini.

Persembahan bersemangat pasukan kami memenangi hati panel hakim daripada Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), MTUC, CUEPACS dan juga Kementerian Sumber Manusia (KSM).

2019 menandakan tahun kedua pasukan PBAPP muncul sebagai kontinjen juara. Pada tahun 2017, PBAPP juga membanggakan Pulau Pinang dengan menjuarai sambutan “Hari Pekerja” peringkat kebangsaan.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



1.5.2019: PBAPP is the “Champion Contingent” of the 2019 National “Workers’ Day” celebrations at the Putrajaya International Convention Centre.



1.5.2019: PBAPP contingent in action during the 2019 National “Workers’ Day” celebrations at the Putrajaya International Convention Centre.